

26/08/1997

PNB mahu jadi pelabur jangka panjang di BSKL

PERMODALAN Nasional Bhd (PNB), syarikat pelaburan dan pengurus dana amanah terbesar tempatan yang mahu menjadi pelabur jangka panjang di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) berharap pasaran lembab sekarang kembali cergas.

Ketua Pegawai Kumpulan PNB, Datuk Mohd Hilmey Mohd Taib, berkata daripada pengamatannya keadaan ekonomi negara masih positif dan ini bermakna, kenaikan pasaran akan kembali.

"Mengenai bila ia akan kembali naik, hanya Tuhan yang tahu. Dalam keadaan sekarang, kita harus melihat kepada fundamental ekonomi negara. Ekonomi kita masih sihat."

"Bagi PNB, kami adalah pelabur jangka panjang di BSKL dan kami akan tetap berada di sini dan mahu berada di pasaran untuk selamanya," katanya ketika diminta mengulas mengenai keadaan pasaran saham semasa.

Terdahulu, beliau menghadiri sidang akhbar bagi mengumumkan dividen pertama Skim Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020) oleh Pengerusi PNB, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid bagi pihak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Hadir sama Pengurus Besar Amanah Saham Bumiputera (ASB), Syed Agel Syed Salim.

Mengenai nasihat Dr Mahathir baru-baru ini supaya pengurus dana tempatan mengetuai pasaran, beliau berkata seruan Perdana Menteri itu amat tepat sekali.

"Sekarang adalah masanya bagi pelabur tempatan membeli. Sebagai pelabur institusi pula, PNB akan tetap menyokong pasaran. Kita akan beli berdasarkan fundamental."

"Begitu pun, kami ada had tertentu dan berbuat demikian berdasarkan sumber terhad. Semua orang ada had. Dalam keadaan begitu pun, kami tetap berada di sana (pasaran)."

"Saya tidak boleh beritahu anda, berapa banyak yang PNB beli daripada pasaran dan berapa banyak lagi yang akan kami beli. Kami adalah pemain jangka panjang (di BSKL)," katanya.

Dr Mahathir ketika merasmikan Exchange Square, bangunan baru BSKL di Bukit Kewangan baru-baru ini meminta pelabur dan pengurus dana tempatan, yang dianggap hanya pengikut urus niaga di BSKL, untuk mula menggunakan kekuatan mereka bagi menguasai bursa yang kini dipengaruhi dana asing.

Menurut Perdana Menteri, agak malang apabila pengurus dana tempatan tidak menjadi penggerak di BSKL tetapi sekadar pengikut yang bergantung kepada indeks di pasaran dan tidak mempengaruhinya.

(END)